

31/08/2003

Atlit kita tidak takut tempuh apa saja dugaan

V Ashok

MERDEKA besar ertinya kepada atlit negara kita. Selepas meniti 46 tahun yang penuh bermakna, minda sukan kita sudah tidak lagi memikirkan ketakutan menghadapi cabaran antarabangsa, malah diulit sifat sentiasa mahu berjaya, berdiri sama tinggi dengan bangsa negara lain.

Pada tanggal 31 Ogos 1957 negara kita menyambut kemerdekaan - hari yang menandakan kita bebas daripada belenggu penjajahan untuk meneruskan kehidupan sebagai rakyat harmoni di negara berdaulat dan bermaruah.

Sukan tidak dinafikan antara cabang yang sesungguhnya meningkatkan nama negara di peta dunia. Kini, atlit kita bukan hanya bertanding tapi sudah ada daya kreativiti menerokai kejayaan tanpa rasa takut menempuh apa saja dugaan, sekalipun membahayakan diri.

Kemampuan Abdul Malik Mydin menakluki Selat Inggeris pada 3 Ogos lalu serta pelayar, Datuk Azhar Mansor mengelilingi dunia bak lagak Marco Polo sudah menceritakan erti berani atlit negara.

Begitu juga N Mohandass dan M Magendren yang mencipta kegemilangan selaku pendaki pertama Malaysia memacak Jalur Gemilang di puncak Gunung Everest pada 23 Mei 1997. Ia berlaku 42 tahun selepas kejayaan Sir Edmund Hillary dan Tenzing Norgay.

Deruman enjin Formula Satu di Litar Sepang sejak 1999 adalah antara babak baru yang melonjakkan nama Malaysia sebagai destinasi percutian dan juga sukan bermotor unggul.

Ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed bagi menganjurkan Grand Prix Malaysia yang pada mulanya disangsi kini disambut penuh meriah ketika dunia luar melihat kemampuan kita menjadi penganjur antara sukan paling popular di dunia ketika ini.

Dalam tempoh lebih 20 tahun lalu, Malaysia sudah mengembangkan sayapnya dan berjaya mencapai kejayaan membanggakan dalam bidang sukan.

Tidak dinafikan sejak Merdeka, sukan menjadi satu ejen penting kepada kerajaan untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum. Kejayaan atlit negara pada peringkat antarabangsa juga sudah sampai ke tahap membanggakan.

Kini, kita boleh berbangga kerana Malaysia adalah negara sukan terkuat di rantau Asia Tenggara andai kedudukan muncul juara keseluruhan Sukan Sea 2001 di Kuala Lumpur menjadi ukuran.

Nama negara juga mendapat pengiktirafan apabila menduduki kelompok 10 teratas dari segi senarai pungutan pingat di Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur. Setidak-tidaknya atlit kita berjaya membuktikan kemampuan sambil menjadikan pelaburan kerajaan beratus juta ringgit tampak berbaloi. Ia menerbitkan satu imej baru kepada kita.

Prasarana sukan juga bertambah, bukan sekadar berpusat di Kuala Lumpur tetapi di seluruh negara apabila semua kerajaan negeri mula menyediakan kemudahan sukan bertaraf dunia kepada penduduk setempat.

Setiausaha Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Datuk Sieh Kok Chi menyifatkan sambutan Hari Kebangsaan ke-46 bermakna Malaysia sudah boleh berbangga dalam tempoh yang singkat itu berjaya mencapai kejayaan di arena antarabangsa.

Sebagai bekas atlit negara dalam acara polo air pada Sukan SEAP awal 1960-an, beliau melihat betapa sukan berkembang pesat ketika ini.

"Malaysia harus berbangga dengan pencapaiannya pada hari ini. Kita sudah berjaya memenangi pingat di pentas Sukan Olimpik pada 1992 di Barcelona dan juga emas di Sukan Komanwel.

"Dari segi kemudahan sukan kita sudah mencukupi segala kelengkapan dan

akan pasti berjaya lambat laun jika pegawai dan atlit kita memusatkan usaha untuk menakluk dunia dengan sifat berani," katanya.

Malaysia kini tidak dinafikan sudah muncul syurga sukan pada kaca mata dunia. Dengan keamanan negara serta prasarana cukup moden negara ini menjadi destinasi nombor satu peminat sukan - sekali gus membantu meningkatkan ekonomi negara melalui pelancongan sukan.

Apapun, yang nyata selepas kemerdekaan kita sudah menyaksikan atlit negara mengecapi kejayaan antarabangsa. Kita boleh berbangga melahirkan jagoan dunia seperti pemain badminton, Wong Choong Hann dan Muhamad Hafiz Hashim, pemain skuasy Nicol David dan Ong Beng Hee, ratu bowling Shalin Zulkifli mahu pun jaguh angkat berat Amirul Hamizan Ibrahim. Jika dulu atlit kita mungkin kerdil dan menggigil berdepan lawan bertubuh sasa tetapi kini kita boleh mendabik dada berjaya menumbangkan lawan lebih ternama termasuk negara bekas penjajah kita.

Namun, yang penting dalam usia 46 tahun ini sukan tanah air sudah berfungsi baik dalam menyuntik inspirasi kejayaan atlit kita di pentas dunia sambil mendekatkan kita daripada pelbagai bangsa, agama dan kebudayaan sebagai satu bangsa padu bergelar rakyat Malaysia. Ketika kita bersorak menyokong atlit bertanding kita melaungkan satu suara satu nada dan membuktikan kepada dunia bahawa kita adalah rakyat Malaysia yang merdeka.